

PROSCAR® TABLET

Finasteride (5 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Proscar
2. Bagaimana Proscar berfungsi
3. Sebelum mengambil Proscar
4. Cara mengambil Proscar
5. Semasa mengambil Proscar
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Proscar
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Proscar


Mengapakah doktor mempreskripsikan Proscar? Doktor telah memberi anda preskripsi Proscar kerana anda menghidap hiperplasia prostat benigna atau BPH. Kelenjar prostat anda, yang berhampiran dengan pundi air kencing anda, telah membesar lalu menyukarkan anda membuang air kecil.

Apakah itu prostat?

Prostat ialah kelenjar sebesar walnut yang boleh dijumpai pada lelaki. Prostat terletak di bawah pundi kencing dan melingkungi uretra, iaitu tiub yang membawa air kencing keluar dari pundi kencing melalui hujung zakar (lihat rajah). Fungsi utama prostat adalah untuk menghasilkan cecair semen, iaitu cecair yang membawa sperma.

Bagaimana Proscar berfungsi

Proscar ialah sejenis perencat 5-alfa reduktase. Ubat ini mengecutkan kelenjar prostat yang telah membesar dan melegakan simptomnya. Proscar akan membantu mengurangkan risiko



berlakunya ketidakmampuan membuang air kecil secara tiba-tiba (penahanan urin akut) dan keperluan menjalani pembedahan.

- Bila tidak boleh mengambil
Jangan ambil Proscar jika anda alah terhadap mana-mana bahannya.

Sebelum mengambil Proscar

Apakah BPH?

BPH ialah pembesaran kelenjar prostat yang benigna yang lazimnya berlaku pada lelaki yang melebihi usia 50 tahun. Oleh sebab prostat berada berhampiran pundi kencing dan melingkungi sebahagian uretra, pembesarnya boleh menjejaskan kemampuan anda membuang air kecil. Anda mungkin mengalami beberapa simptom, seperti perlu kerap membuang air kecil terutamanya pada waktu malam, berasa bahawa anda mesti serta-merta membuang air kecil, sukar memulakan kencing, aliran kencing yang lemah atau terputus-putus, atau berasa bahawa anda tidak boleh mengosongkan pundi kencing sepenuhnya.

Bagi sesetengah lelaki, BPH boleh menyebabkan masalah yang serius, termasuk jangkitan salur kencing, tiba-tiba tidak boleh membuang air kencing, serta keperluan menjalani pembedahan. Atas sebab-sebab ini, lelaki yang mengalami simptom BPH harus berjumpa dengan doktor.

Proscar diberikan untuk merawat penyakit yang hanya berlaku pada lelaki. Wanita dan kanak-kanak tidak boleh mengambil Proscar.

- Sebelum mangambil Proscar
BPH terbentuk dalam tempoh yang panjang. Simptom pada sesetengah orang bertambah baik pada awal rawatan tetapi anda mungkin perlu mangambilnya selama enam bulan jika simptom anda bertambah baik. Sama ada simptom anda bertambah baik atau berubah, ataupun tidak, terapi dengan Proscar boleh mengurangkan risiko anda mengalami ketidakmampuan membuang air kecil secara tiba-tiba dan keperluan menjalani pembedahan. Anda mesti kerap berjumpa dengan doktor untuk diperiksa supaya perkembangan anda dapat dinilai.

Walaupun BPH bukan sejenis kanser dan tidak menyebabkan kanser, namun kedua-dua masalah ini boleh wujud pada masa yang sama. Hanya doktor sahaja yang boleh menilai simptom anda dan punca yang mungkin menyebabkannya. Proscar boleh mengubah keputusan ujian darah PSA (antigen khusus

PROSCAR[®] TABLET

Finasteride (5 mg)

prostat). Jika anda menjalani ujian PSA, beritahu doktor bahawa anda sedang mengambil Proscar.

Beritahu doktor sebelum mengambil Proscar tentang masalah kesihatan yang sedang atau yang pernah anda hidapi, dan tentang apa-apa alergi (alahan) atau anda menghadapi keadaan berikut:

-aliran air kencing yang berkurangan dengan teruk
-masalah hati

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Proscar biasanya tidak berinteraksi dengan ubat lain. Walau bagaimanapun, anda mesti beritahu doktor tentang semua ubat yang anda ambil atau yang anda bercadang hendak ambil, termasuk ubat yang anda peroleh tanpa preskripsi.

Cara mengambil Proscar

- Berapa banyak harus diambilkan
Ambil satu tablet Proscar setiap hari sebelum ataupun selepas makan. Ikuti nasihat doktor.

Doktor anda mungkin mempreskripsikan Proscar bersama suatu ubat lain yang digelar doxazosin untuk membantu BPH anda itu dengan lebih baik.

- Bila perlu diambilkan
Ambilkan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu diambilkan
Ingatlah bahawa prostat anda telah mengambil masa bertahun-tahun untuk mengembang sehingga menjadi cukup besar untuk menyebabkan simptom. Proscar boleh merawat simptom yang anda alami dan mengawal penyakit ini hanya jika anda terus

mengambilkannya selama tempoh yang panjang.

- Jika terlupa mengambilkan
Cuba ambil Proscar seperti yang diarahkan oleh doktor. Walau bagaimanapun, jika anda terlupa mengambil satu dos, jangan ambil dos tambahan. Hanya ambil tablet yang seterusnya seperti biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Jika anda terambil terlalu banyak tablet, hubungi doktor dengan segera.

Semasa mengambilkan Proscar

- Perkara yang perlu dilakukan
Pergi berjumpa doktor untuk menjalani pemeriksaan dengan kerap, termasuk pemeriksaan fizikal untuk mengesan kanser prostat jika usia anda melebihi 50 tahun.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berikan Proscar kepada orang lain, walaupun mereka menghadapi keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
PROSCAR digunakan untuk merawat BPH pada lelaki sahaja. Wanita yang hamil atau yang mungkin hamil tidak boleh mengambilkan Proscar. Wanita juga tidak boleh memegang tablet Proscar yang hancur atau pecah. Jika bahan aktif di dalam Proscar terserap selepas diambil atau diserap melalui kulit wanita yang sedang mengandungkan anak lelaki, ubat ini boleh menyebabkan masalah pada organ seks bayi tersebut. Jika wanita yang hamil terdedah kepada bahan aktif di

dalam Proscar, minta nasihat doktor. Tablet Proscar adalah bersalut dan akan menghalang sentuhan dengan bahan aktif semasa pengendalian seperti biasa selagi tablet tidak pecah atau hancur. Proscar tidak diketahui sama ada diremeskan dalam susu ibu.

Jika anda ada kemusykilan, tanya doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti mana-mana ubat, Proscar pun boleh memberikan kesan yang tidak dijangka atau yang tidak diingini, yang digelar kesan sampingan. Antara kesan sampingan yang disebabkan oleh Proscar ialah impotens (mati pucuk, iaitu zakar tidak mampu menjadi tegang) atau kurang nafu seks. Sesetengah lelaki mungkin mengalami perubahan atau masalah ejakulasi (pancutan mani), misalnya kurang jumlah mani dipancarkan semasa bersetubuh. Simptom yang berlanjutan biasanya akan hilang apabila Proscar dihentikan.

Beberapa lelaki juga pernah melaporkan:

- tindak balas alergi seperti ruam, gatal-gatal, geligata dan bengkak pada bibir, lidah, tekak dan muka
- testis berasa sakit
- darah di dalam air mani
- ketidakmampuan mencapai ereksi yang berterusan walaupun selepas ubat ini dihentikan
- masalah ejakulasi (pemancutan mani) yang masih berlaku walaupun selepas ubat ini dihentikan
- kemandulan lelaki dan/atau mutu semen yang kurang baik.

PROSCAR[®] TABLET

Finasteride (5 mg)

Ada laporan menunjukkan mutu semen bertambah baik selepas ubat ini dihentikan.

- kemurungan
- kurang nafsu seks yang masih berlaku walaupun selepas ubat ini dihentikan
- Mempunyai idea bunuh diri

Anda harus segera melaporkan kepada doktor apa-apa perubahan pada tisu payudara anda, seperti gumpalan, rasa sakit, saiz bertambah besar, atau lelehan dari puting kerana ini mungkin menandakan penyakit yang serius, seperti kanser payudara. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera tentang simptom ini atau tentang apa-apa simptom lain yang luar biasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Bagaimanakah boleh saya ketahui lebih lanjut tentang Proscar dan BPH?

Bukan semua maklumat tentang ubat ini tercetak di sini. Selepas membaca risalah ini, jika anda ada kemusykilan atau kurang pasti mengenai apa-apa sahaja, tanya doktor atau ahli farmasi anda kerana mereka ada maklumat yang lebih terperinci tentang produk ini dan BPH.

Cara penyimpanan dan pelupusan Proscar

- Penyimpanan

Proscar perlu disimpan bawah suhu 30°C (86°F) dan dilindungi daripada cahaya. Simpan Proscar

di dalam bekasnya yang asal dan pastikan bekasnya sentiasa tertutup dengan ketat.

Jauhkan Proscar dan semua ubat lain daripada kanak-kanak.

Berapa lamakah boleh saya simpan ubat ini?

Jangan ambil ubat ini selepas bulan dan tahun yang ditunjukkan oleh empat angka selepas EX (atau EXP) yang tertera pada bekasnya. Dua angka pertama menunjukkan bulan, manakala dua angka terakhir menunjukkan tahun.

- Pelupusan

Jika doktor anda menyuruh anda berhenti mengambil tablet ini, atau tablet ini telah melebihi tarikh tamat tempohnya, tanya ahli farmasi tentang cara membuangnya.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Proscar ialah tablet bersalut yang berwarna biru dan berbentuk epal. Proscar didapati sebagai tablet 5 mg yang diukir MSD 72 pada sebelah tablet dan Proscar pada sebelah lagi.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Tablet ini mengandungi 5 mg finasteride sebagai bahan aktif.

Bahan tidak aktif:

- lactose (hydrous)
- pregelatinised starch (maize)
- sodium starch glycollate
- yellow ferric oxide / E172
- docusate sodium
- microcrystalline cellulose
- magnesium stearate
- methylhydroxypropylcellulose (hydroxypropyl methylcellulose, hypromellose)

- hydroxypropyl cellulose
- titanium oxide/E171
- talc
- indigo carmine aluminum lake / E132
- purified water

- Nombor MAL

MAL19985910ACRZ

Pengilang

MSD International GmbH (Puerto Rico Branch) LLC,
Road #2, kilometer 60.3
Sabana Hoyos
Arecibo, Puerto Rico 00688.

Pemegang Pendaftaran Produk.

Organon Malaysia Sdn. Bhd.
3A-08-02, Level 8,
Corporate Tower 3A,
Pavilion Damansara Heights,
No. 3, Jalan Damanlela
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/01/2026 (Versi 092023)

Nombor Siri

NPRA (R1/4)25102023/209